

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kementerian mengkaji semula Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 untuk menangani kelompongan dari segi peruntukan melarang diskriminasi terhadap OKU dan peruntukan remedii kehakiman dan hukuman bagi pihak yang tidak mematuhi akta ini, seperti yang disarankan Majlis Peguam Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Orang Kurang Upaya 2008 merupakan satu Akta yang bersifat *rights-based* (dengan izin) dan bukan berbentuk punitif sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 41 perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang dan Seksyen 42 Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

Peruntukan yang disediakan turut bertujuan melindungi ahli Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bersama Orang Kurang Upaya yang turut terdiri daripada 10 individu yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam permasalahan mengenai Orang Kurang Upaya (OKU) dan boleh terdiri daripada OKU sendiri atau bukan OKU. Penglibatan wakil OKU sebagai ahli Majlis juga turut bertujuan memastikan wujudnya persefahaman dalam memahami dan memenuhi hak OKU sebagai anggota masyarakat.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedar terdapat tuntutan daripada pelbagai pihak termasuk NGO OKU untuk mengkaji semula Akta OKU 2008 dan memasukkan peruntukan remedi kehakiman dan hukuman ke dalam Akta.

Oleh itu, KPWKM telah mengambil tindakan dengan melaksanakan beberapa siri bengkel bersama-sama dengan NGO OKU untuk mendapatkan pandangan dan cadangan mereka. Input daripada bengkel tersebut akan dijadikan sebagai asas untuk melaksanakan satu kajian menyeluruh semakan semula Akta OKU 2008 yang akan dilaksanakan pada tahun 2021. Kajian ini juga akan meneliti amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan oleh negara luar.